

19/08/2000

Gerbang hiburan bertaraf dunia akan dirasmikan

Hardi Effendi Yaacob

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan merasmikan majlis pembukaan Perkampungan Seni Pintar atau lebih dikenali sebagai e-Village, berhampiran Dengkil, Selangor pada 8 September ini.

Selain Dr Mahathir, lebih 500 tetamu kehormat turut diundang menyaksikan acara penuh gemilang itu.

Antaranya menteri Kabinet, ahli panel penasihat Koridor Raya Multimedia (MSC), duta asing, serta mereka yang terbabit dalam bidang perfileman, muzik serta Teknologi Maklumat (IT).

Penganjuran acara itu bersempena kehadiran perwakilan IT dari luar negara bagi menyertai Mesyuarat IAP Bagi MSC di Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, perasmian itu hanya membabitkan Fasa 1-A, salah satu daripada tiga fasa pembangunan e-Village yang berkeluasan 485 hektar.

Ia memuatkan studio maya dan studio bunyi yang dijadualkan siap akhir bulan ini.

Dengan ketinggian lebih 200 meter, studio bunyi bernilai RM40 juta itu adalah terbesar di Asia. Malah, ia mempunyai peralatan dan kelengkapannya berteknologi tinggi dan termoden di rantau ini.

Selain studio maya dan studio bunyi, pembinaan Fasa 1-A e-Village yang bernilai RM400 juta itu turut mempunyai kawasan pos produksi, blok pentadbiran, pusat multimedia, kompleks pemasaran, sokongan teknikal, lapangan meletak kenderaan dan pusat latihan.

Pelancaran Fasa 1-A itu bakal menjadi peristiwa penting dalam meningkatkan pembangunan MSC kerana ia turut dikategorikan sebagai hiburan dan multimedia, selain menandakan kemasukan negara ke gerbang hiburan serta IT bertaraf dunia.

Sempena majlis pembukaan rasmi Fasa 1-A itu, Entertainment Village (M) Sdn Bhd selaku pengendali Perkampungan Seni Pintar akan menyediakan pelbagai persembahan kesenian dan kebudayaan bagi menambahkan kemeriannya.

Mereka turut melantik syarikat penganjur hiburan secara langsung dan pakar kesan khas dari Australia, Pollard Productions bagi mengawal selia acara itu.

Pengarahnya, James Ring, berkata mereka ingin memastikan persembahan yang akan diadakan pada hari itu meninggalkan kenangan manis.

"Ia memang satu persembahan hebat, apatah lagi lebih 100 artis akan bersatu menjayakannya," kata James.

Manakala, Barry Newman yang juga Penolong Penerbit Eksekutif persembahan sempena pembukaan rasmi Fasa 1-A e-Village, berkata pihaknya akan menggunakan pelbagai peralatan dan kelengkapan berteknologi pada majlis itu.

"Malah, tenaga kerja penerbitan pula berpengalaman luas, selain pakar dalam penganjuran hiburan secara langsung seperti itu.

"Artis yang menjayakannya mendapat bimbingan koreografer terkenal, Rose Coleman," katanya.

Sebelum ini, Persada Seni pernah melaporkan ketiga-tiga fasa pembangunan projek mega itu dijadualkan mengambil masa kira-kira tujuh tahun.

Ia dimulakan dengan fasa pertama, diikuti fasa kedua yang menelan belanja sekitar RM1.5 bilion, termasuk kos pembinaan taman maya bertema, Taman Mini Malaysia, bandar popular Asia, wetland, lokasi bertema, kemudahan penginapan tenaga kerja penerbitan, pejabat pos produksi serta pusat konvensyen.

Manakala, fasa tiga dibangunkan dalam tempoh tiga tahun lagi meliputi kawasan riadah, pusat rekreasi serta membeli-belah seni kraf.  
(END)